



فجابت مفتي نكري سابه  
PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH

**KENYATAAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SABAH  
ISU SOLAT JUMAAT DAN BERJEMAAH SERTA AKTIVITI DI MASJID  
DAN SURAU KESAN DARI WABAK COVID-19**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Majlis Fatwa Negeri Sabah mengambil maklum dan perhatian mengenai penularan wabak Covid-19 yang berlaku dalam negeri ini khususnya dan Malaysia amnya. Saya ingin merujuk keputusan Resolusi Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bertarikh 15 Mac 2020 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya dan taklimat yang disampaikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Agensi Pengurusan Bencana Negara. Oleh itu, saya selaku Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah mengambil ketetapan seperti berikut:

1. Semua aktiviti masjid dan surau di negeri ini termasuk solat berjemaah, solat jumaat ditangguhkan (20 Mac 2020M/25 Rejab 1441H) untuk tempoh selama sepuluh hari bermula 17–26 Mac 2020M/22 Rejab – 01 Syaaban 1441H. Dalam tempoh tersebut semua masjid dan surau dinasihatkan untuk membuat operasi pembersihan dan penyahkuman sebagai langkah-langkah keselamatan bagi mengelakkan jangkitan. Pelanjutan atau penamatan tempoh sepuluh hari berkenaan tertakluk kepada nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Dalam keadaan sekiranya berlaku kematian akibat virus Covid-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil. 2/2015 yang bersidang pada 27-29 Oktober 2015M/14-16 Muharram 1437H mengenai "Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease: EVD) di Malaysia, iaitu pengecualian dan kelonggaran (*rukhsah*) sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah tersebut. Dalam hal ini, jenazah orang Islam yang disyaki atau

disahkan oleh pakar perubatan dijangkiti virus Covid-19 diharuskan jenazah tersebut diuruskan melalui prosedur tayammum yang paling ringan risiko dan kesan bahayanya seperti melakukan tayammum hanya di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut sahaja. Namun sekiranya jenazah tersebut masih boleh mendatangkan mudarat kepada pengendali jenazah walaupun dengan menggunakan kaedah tayammum, maka jenazah tersebut wajib dikafankan, disolatkan dan dikebumikan sahaja tanpa dimandikan. Perkara ini berasaskan keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil 1/2020 yang bersidang pada 4-5 Mac 2020M/ 9-10 Rejab 1441H.

3. Seluruh umat Islam di negeri ini dinasihatkan mengambil langkah keselamatan dan sentiasa mengikut saranan dan garis panduan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Dengan ini juga, saya menasihatkan diri saya dan seluruh umat Islam agar kita sentiasa memperbanyakkan *istighfar* dan bertaubat kepada Allah SWT serta sentiasa berdoa moga Allah SWT memberikan perlindungan daripada dijangkiti wabak ini. Semoga Allah SWT memberikan pemeliharaan dan perlindungan kepada semua rakyat di negeri ini khususnya dan Malaysia amnya.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

*"Ya Allah, kami berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan penyakit-penyakit yang buruk."*

7 Sekian, Wassalam

**SS DATUK HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR**

Mufti Kerajaan Negeri Sabah merangkap  
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah  
16 Mac 2020M/ 21 Rejab 1441H

